

Ragut nyawa dari belakang

Metro 2/6/12 MS6.

Ibu tunggal maut terjatuh angkara penyamun

KOTA BHARU: Seorang wanita warga emas tidak sempat tiba di rumah bagi membuat kuih untuk dijual, apabila dia menemui ajal dalam kejadian cubaan ragut kira-kira satu kilometer (km) dari kediamannya di simpang tiga Pusat GiatMara, Pasir Mas, kelmarin.

Dalam kejadian jam 12.30 tengah hari itu, Zahrah Zakaria, 63, yang juga seorang ibu tunggal, meninggalkan dunia jam 6.45 pagi keesokannya di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian, akibat kecederaan parah di kepala selepas terjatuh daripada motosikal yang dinaiki bersama adiknya, Faridah Zakaria, 43.

Bagaimanapun, Faridah hanya mengalami kecederaan ringan di buku lali kanan dan dirawat sebagai pesakit luar hospital sama.

Timbalan Ketua Polis Daerah Pasir Mas, Deputy Superintendan Tengku Azman Tengku Abdullah berkata, kejadian itu berlaku ketika mangsa bersama adiknya yang menunggang motosikal Yamaha dalam perjalanan pulang selepas membeli barang dapur di bandar Pasir Mas.

Katanya, sebaik tiba di simpang berkenaan, mereka di hampiri seorang lelaki dari arah belakang yang menunggang motosikal sebelum penjenayah terbabit cuba meragut beg mangsa yang disandang di bahu kanannya.

"Adiknya (Faridah) yang menunggang motosikal hanya menyedari kejadian itu ketika kakaknya cuba diragut menyebabkan motosikal dinaiki terhuyung-hayang sebelum terbabas dan terjatuh di bahu jalan," katanya.

Menurutnya, dengan ban-



MAUT...mayat Zahrah (gambar kecil) diusung ke kereta jenazah untuk disemadikan.

tuan saksi yang berada di tempat kejadian, mangsa dikejarkan ke klinik kesihatan berhampiran dengan sebuah ambulans yang kebetulan melalui tempat kejadian.

"Mangsa dimasukkan ke Hospital Pasir Mas sebelum dikejarkan ke HUSM dan disahkan meninggal dunia 6.45 pagi tadi (semalam)."

"Pengadu (Faridah) mem-

buat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Pasir Mas," katanya.

Tengku Azman berkata, susulan laporan itu, polis mengenal pasti saksi dan mengesan suspek yang menggunakan motosikal Honda EX5.

"Kes masih disiasat dan polis masih menunggu laporan bedah siasat daripada hos-

pital untuk mengenal pasti punca kematian," katanya.

Sementara itu, anak sulung mangsa, Nariha Mamat, 38, ketika ditemui berkata kali terakhir dia bertemu ibunya pada Ahad lalu.

"Dia melawat saya dan cucunya di rumah di Meranti. Saya terkejut dan tidak sangka arwah akan pergi dalam keadaan begini," katanya.